

## NILAI DAN ETIKA MENOLONG

Nik Rosila Bt Nik Yaacob  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM  
nikrusila@usm.my

1. Objektif
2. Teori aksiologi
  - 2.1 Definisi teori nilai/aksiologi
    - Nilai
    - Moral
    - Etika
    - Akhlak
  - 2.2 Etika dan moral mengikut perspektif Islam
3. Menolong dan proses menolong
  - 3.1 Definisi menolong
  - 3.2 Kategori orang-orang yang menolong
4. Isu-isu yang mempengaruhi proses menolong
  - 4.1 nilai-nilai peribadi
  - 4.2 penjelasan tentang nilai-nilai
  - 4.3 perkongsian nilai
  - 4.4 jantina
  - 4.5 kumpulan etnik dan ethnocentrism
  - 4.6 umur
5. Etika menolong
  - 5.1 Keistimewaan dari segi komunikasi dan kerahsiaan
  - 5.2 kepentingan konflik
  - 5.3 penyimpanan rekod
  - 5.4 perujian
  - 5.5 peranan dwi perhubungan
  - 5.6 *misrepresentation*
6. Strategi penaakulan moral Kohlberg

Lampiran

## **PENDAHULUAN**

Manusia adalah makhluk sosial yang saling perlu dan memerlukan antara satu sama lain. Sejak dilahirkan sehingga akhir hayat, memberi dan menerima pertolongan merupakan dua amalan yang biasa bagi seorang manusia yang normal. Semasa masih bayi lagi, seseorang memerlukan pertolongan daripada orang sekeliling untuk meneruskan dan memenuhi kehendak-kehendak asas seperti makan, minum dan seumpamanya. Manusia dan persekitaran adalah dua elemen yang tidak boleh dipisahkan dalam memastikan kesempurnaan dan kelangsungan kehidupan. Oleh itu, menolong dan ditolongi merupakan fitrah semula jadi yang ada dalam diri setiap manusia. Budaya ikram atau budaya saling tolong menolong juga merupakan amalan yang mulia yang boleh mewujudkan keharmonian dalam sesebuah masyarakat.

### **Objektif**

Objektif kertas kerja ini adalah seperti berikut;

1. Kebolehan memperoleh pengetahuan tentang isu-isu berkaitan nilai dan etika menolong
2. Kebolehan memahami etika sebagai seorang *helper* (penolong)
3. Kebolehan untuk membincangkan isu-isu nilai dan etika menolong
4. Kebolehan mengaplikasi nilai dan etika menolong dalam kalangan warga USM

## **1. Teori aksiologi**

### **Definisi**

Teori nilai (aksiologi) ialah untuk menganalisis, meneliti dan menghurai prinsip dan kaedah pengukuran segala ilmu pengetahuan serta segala objek yang didukung oleh ilmu pengetahuan dari segi harga, kegunaan dan manfaatnya. Konsep utama teori nilai:

- Nilai
- Etika
- Moral
- Akhlak

1. Nilai
  - Standard atau ukur tara dan prinsip yang digunakan untuk mempertimbangkan harga (worth) sesuatu benda, perkara, perbuatan, tingkh laku, kejadian dan keadaan sama ada benar, baik, berguna, diingini atau pun sebaliknya.
2. Terdapat 3 jenis nilai:
  1. Estetik – berkaitan dengan ukuran keindahan dan kecantikan
  2. Instrumental – secara tersendiri tidak penting tetapi membantu dalam pencapaian sesuatu matlamat
  3. Moral, etika dan akhlak – standard atau prinsip untuk mengukur dan menghakim sama ada sesuatu perlakuan, tujuan atau maksud itu wajar atau tidak

Sesuatu yang dinilai tinggi mempunyai ciri-ciri seperti:

1. Dihargai
  2. Dipilih secara bebas
  3. Dipertimbangkan secara mendalam
  4. Diamalkan dan dilakukan
  5. Diulangi
  6. diumumkan
3. Moral
    - Daripada perkataan Greek : *mores*;
    - Suatu cara perlakuan yang telah menjadi adat kebiasaan sesuatu kumpulan manusia kerana telah diterima dan dipersetujui bersama oleh kumpulan tersebut
  4. Etika
    - Diambil daripada perkataan Latin: *Ethos*, yang bermaksud adat atau keperibadian (custom or character). Terdapat beberapa dimensi etika iaitu;
    - Pentaakulan moral –melibatkan pemikiran dan pertimbangan secara bebas
    - Perlakuan moral dikaitkan dengan tingkah laku dan tindakan individu terhadap sesuatu keputusan yang ditunjukkan dengan penuh perasaan tanggung jawab, tetapi mengikut kemampuan
    - Perasaan moral ialah emosi dan kehalusan perasaan individu yang mengandungi sentimen, empati, simpati, prihatin, belas kasihan, altruistik dan murah hati
    - Perbezaan moral dan etika:
      1. Moral dirujuk atau dikaitkan dengan tingkah laku yang benar-benar dilakukan

2. Etika merujuk kepada pengajian tentang perangai dan tingkah laku dan juga merujuk kepada sejumlah sistem ataupun peraturan/undang-undang yang dikaitkan dengan sesuatu kerjaya.

## 5. Akhlak

Moral dan etika boleh dikaitkan dengan istilah akhlak tetapi terdapat perbezaan yang nyata. Istilah “akhlak” daripada bahasa Arab ada kaitan dengan dua istilah lain iaitu “Khalik” (Tuhan Pencipta) dan “makhluk” (ciptaan) daripada kata akar yang sama iaitu “khalaqa” (mencipta). Akhlak mencakupi makna moral dan etika iaitu sifat dan perlakuan yang baik, halus, benar dan patut yang dipunyai oleh seseorang yang memberi kebaikan kepada dirinya dan juga kepada orang lain. Walau pun begitu, konsep akhlak melebihi makna moral dan etika. Dalam ertikata lain, segala sifat dan perbuatan yang baik yang memanfaatkan itu, harus dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan Tuhan semata-mata, bukan untuk mendapat balasan, pujian dan pengiktirafan daripada manusia. Oleh itu ada perkaitan seperti berikut:

Akhlak → Makhluk → Khalik

Akhlak yang mencakupi segala perbuatan dan tingkahlaku yang baik adalah untuk memanfaatkan makhluk tetapi bertujuan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Khalik iaitu Tuhan Pencipta segala makhluk. Oleh itu konsep akhlak mengimplikasikan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan sebagai Pencipta segala makhluk di mukabumi ini.

Dalam Islam, huraian tentang akhlak berkait rapat dengan hakikat diri manusia dan ia memainkan peranan penting dalam proses pembentukan peribadi-peribadi Muslim yang beriman dan bagaimana mereka merealisasikan konsep hakikat kemanusiaan dalam perhubungan sesama makhluk

### **Etika dan moral mengikut Islam**

Mengikut pandangan Islam, soalan-soalan apakah yang dikatakan sebagai baik, benar dan patut merupakan soalan yang sepatutnya timbul kemudian. Persoalan pertama yang perlu dihurai dan dijawab ialah terlebih dahulu ialah :

- a) Apakah kedudukan dan peranan manusia didalam alam ini
- b) Apakah hubungan manusia dengan alam ini dan segala makhluk yang ada didalamnya

Persoalan tentang peraturan dan penilaian tingkah laku manusia terhadap dirinya dan makhluk yang lain hanya akan dapat dijelaskan dengan nyata apabila diketahui dan ditubuhkan status dan kedudukan manusia di dalam alam ini dan hubungannya dengan makhluk lain. Samalah jika kita ingin menyatakan apakah pendirian dan kelakuan seseorang terhadap sesuatu benda yang ada padanya, maka kita seharusnya mengetahui apakah status hubungan orang itu dengan benda itu. Jika benda itu dipunyai oleh orang lain maka status orang itu hanya sebagai penyimpan amanah dan mesti berkelakuan yang sewajarnya iaitu sebagai penjaga bukan sebagai pemilik dan tidak boleh menggunakannya . Jika benda itu miliknya maka dia bolehlah menggunakan sepenuhnya.

Dalam Islam sebelum dinyatakan apakah kelakuan dan tindak tanduk yang dianggap baik bagi seseorang manusia terhadap dirinya dan orang lain dan benda-benda dalam alam ini, maka mesti dinyatakan terlebih dahulu apakah kedudukan statusnya didalam alam ini dan hubungan dengan benda-benda yang ada di sekelilingnya. Islam menyatakan bahawa manusia diciptakan oleh Tuhan dengan dua status:

- 1) Sebagai ciptaan yang dipunyai oleh Tuhan yang dengan itu harus patuh, akur dengan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Tuhan sebagai Pencipta dan Pemiliknya, yang akhirnya ia akan dikembalikan kepada Tuhan untuk disoal tentang kepatuhannya terhadap peraturan itu. Status manusia begini dikenali sebagai “abdullah” iaitu hamba atau milik Tuhan dan
- 2) Sebagai “khalifah” iaitu wakil Tuhan bagi melaksanakan segala hukum Tuhan diatas dunia ini untuk memanfaatkan dirinya dan juga manusia, makhluk dan benda-benda yang lain di dunia ini.

Oleh itu segala perlakuan, tindak tanduk dan apa sahaja yang membantu ke arah menepati dan memenuhi dua status dan peranan manusia itu, dianggap sebagai baik, benar dan patut, dan oleh itu penuh bermoral dan beretika.

Apakah kegiatan yang tercakup didalam dua tugas dan peranan seorang manusia yang harus dipenuhinya didalam kehidupannya dialam ini yang tercakup didalam kelakuan bermoral dan beretika mulia? Untuk mengetahui jawapan itu terlebih dahulu harus diketahui apakah hakikat kejadian manusia itu sendiri.

Berdasarkan penelitian didalam al-Quran dan hadith, ilmuan-ilmuan Islam merumuskan bahawa manusia diciptakan melalui dua unsur iaitu unsur jasmani dan rohani yang bersatu didalam satu kesatuan. Unsur jasmani ialah berasal dari tanah yang zahiriah yang dilahirkan, membesar, menjadi tua yang akan hancur sesudah mati. Manakala unsur rohani ialah unsur yang tidak berjisim yang halus iaitu unsur yang bersumberkan hembusan secara langsung daripada Roh Kudus Tuhan yang kekal (immortal) dan akan meneruskan kehidupan sesudah mati dan akan kembali kepada Penciptanya.

## 2) Menolong dan proses menolong

### Definisi menolong

Menolong merujuk kepada proses membantu mengurangkan tekanan seseorang atau klien yang tidak berkaitan dengan bidang perubatan. Proses ini bertujuan untuk membantu klien supaya mereka boleh membuat pilihan yang lebih baik dan dapat meningkatkan keupayaan sendiri seseorang.

### Kategori *helper*

Kategori *helper* dan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan

	Tidak profesional	Para profesional	Profesional
Kemahiran komunikasi	X	X	X

Perkembangan pengetahuan	X	X	X
Kemahiran menilai		X	X

1. Professional – golongan ini mempunyai kepakaran pada peringkat ijazah tinggi dan mendapat latihan-latihan yang berkaitan tingkah laku manusia, strategi-strategi dalam menolong dan pengalaman-pengalaman klinikal dalam membantu individu, kumpulan atau keluarga. Contoh, psikiatris yang boleh mempunyai pengetahuan tentang psikofarmakologi, boleh menyenaraikan ubata-ubatan tertentu, boleh mengecam penyakit-penyakit dan cara mengubati dan berpengalaman dengan penyakit-penyakit tertentu
2. Separa professional – golongan ini menerima latihan-latihan berkaitan perhubungan manusia pada peringkat kolej. Golongan ini biasanya berkerja dalam bentuk kumpulan bersama-sama dengan golongan professional. Contoh, technician, pekerja gereja dan lain-lain.
3. Tidak professional – walaupun kumpulan ini mungkin tidak mempunyai latihan formal untuk menolong, mereka berkemungkinan menghadiri seminar atau bengkel berhubung pelbagai isu yang berkaitan perhubungan dan kemanusiaan dari semasa ke semasa. Mereka termasuklah, guru, penyelia, penemubual, sukarelawan, kawan, saudara mara dan rakan sekerja.

### Isu-isu yang mempengaruhi proses menolong

- nilai-nilai peribadi

Setiap individu mempunyai nilai-nilai peribadi tersendiri yang mempengaruhinya dalam proses menolong seperti sikap dan perasaan tentang jenis individu dan kumpulan tertentu, perkara-perkara yang boleh diterima dan tidak boleh diterima, perkara-perkara yang penting dalam membuat sesuatu pilihan. Penentuan nilai-nilai peribadi ini kebiasaannya ditentukan oleh pegangan dan kepercayaannya individu tersebut. pegangan dan nilai-nilai *helper* tidak akan terjejas sekiranya proses menolong itu mempunyai matlamat yang jelas dan *helper* tidak mempunyai apa-apa pertalian dengan kliennya. Oleh itu, adalah penting bagi *helpers* menyedari system nilai yang dipegang oleh beliau dan system nilai kliennya agar beliau dapat menghormati system nilai kliennya. *Helpers* tidak seharusnya mempengaruhi klien untuk mengubah system nilainya sebaliknya *helpers* boleh membantu klien menyedari

system nilai yang dipegang olehnya dalam proses untuk meningkatkan kefahaman dan kemampuan dirinya membuat pilihan yang efektif.

- **penjelasan tentang nilai-nilai (values clarification)**

Simon, Howe dan Kirschenbaum (1972) memperkenalkan tujuh langkah dalam membuat penjelasan tentang nilai-nilai yang membantu individu memproses nilai masing-masing melalui aktiviti yang tersusun.

1. Menghargai dan menghormati kepercayaan dan perlakuan seseorang.
  - a. “apakah perkara penting bagi diri anda?”
  - b. “adakah anda bangga tentang cara anda mengendalikan sesuatu?”
2. Apabila perlu, mengesahkan secara umum tentang kepercayaan dan perlakuan individu tersebut.
  - a. “adakah ini yang anda ingin kongsi dengan orang lain?”
  - b. “siapakah yang anda lebih cenderung untuk menceritakan perkara ini?”
3. Memilih kepercayaan dan perlakuan seseorang daripada beberapa alternative lain.
  - a. “adakah anda telah menimbangkan beberapa alternative terhadap isu itu?”
  - b. “berapa lama yang anda perlukan untuk membuat keputusan?”
4. Memilih kepercayaan dan perlakuan tertentu berdasarkan beberapa alternative yang diberikan selepas membuat pertimbangan terhadap kesan yang akan dihadapi individu tersebut
  - a. “apakah elemen yang membuatkan anda mengemukakan idea tersebut?”
  - b. “apa akan berlaku sekiranya setiap orang mempunyai kepercayaan seperti anda juga?”
5. Memilih kepercayaan dan perlakuan seseorang secara bebas.
  - a. “adakah itu benar-benar pilihan anda sendiri?”
  - b. “dimanakah anda memperoleh idea tentang pilihan anda itu?”
6. Bertindak ke atas kepercayaan tersebut
  - a. “adakah anda mempunyai sesuatu untuk mencuba?”
  - b. “apakah langkah anda seterusnya jika anda memilih untuk mengikuti haluan itu?”
7. Bertindak ke atas kepercayaan tersebut dengan pola, ketekalan dan pengulangan



- a. "adakah perkara ini biasa bagi anda?"
- b. "adakah anda akan melakukannya sekali lagi?"

*Helper* perlu mengetahui bila masa yang sesuai untuk bertanya soalan-soalan tersebut, masa yang sesuai untuk menyatakan pandangannya dan masa yang sesuai untuk bertindakbalas terhadap reaksi orang yang dibantu. Nilai-nilai perbadi seseorang juga terikat dengan aspek-aspek seperti jantina, keluarga, kewangan, politik, agama, pekerjaan, bangsa, status dan kebudayaan serta gaya hidup. Kekeliruan nilai boleh memberi kesan kepada hubungan interpersonal seseorang. Oleh itu isu nilai tidak boleh dipandang remeh oleh *helper*. Sebagai contoh, sekiranya *helper* tidak bersedia dan tidak mahu terlibat dengan kes-kes seperti hubungan seksual yang dialami oleh *helpee*, *helper* mungkin akan bertanya dirinya sendiri tentang apa yang sedang berlaku dan kenapa. Situasi ini menunjukkan *helper* yang mempunyai bermasalah bukannya *helpee*.

- **perkongsian nilai**

Untuk mewujudkan situasi yang empatik dalam perhubungan menolong, *helper* perlu menerima kepelbagaian system nilai yang dianuti oleh orang lain. Dalam ertikata lain, *helper* perlu menerima dan melayani orang lain dengan penuh perasaan kemanusiaan. Hal ini tidak bermakna *helper* terpaksa mengorbankan nilainya dan menerima nilai orang lain atau beliau terpaksa memendamkan perasaan marahnya terhadap situasi tertentu kerana apa-apa yang baik bagi seseorang mungkin tidak baik bagi orang lain. Tindakbalas yang responsive seperti mendengar dengan baik dan teknik menyampaikan mesej "I" boleh membantu kelancaran komunikasi kedua-dua pihak serta secara tidak langsung perasaan-perasaan tertentu yang dialami oleh kedua-dua pihak dapat disampaikan dalam keadaan yang harmoni. Mesej "I" disampaikan dengan menggunakan gantingama orang pertama seperti "saya", "aku", "I" dan lain-lain. Contoh:

1. "Saya rasa terguris hati dan marah dengan tingkah lakunya" bukannya "Dia menyebabkan saya rasa marah"
2. "Saya merasakan ahli kumpulan ini tidak bekerja sama dengan baik" bukannya "Ahli-ahli dalam kumpulan ini merasakan tidak ada kerjasama antara mereka".

- **Jantina**

Perubahan yang berlaku dalam kehidupan hari ini sama ada dari segi ekonomi, politik dan social telah memberi implikasi yang besar kepada isu gender. Hari ini, isu wanita memasuki bidang yang biasa dikuasai oleh lelaki bukan lagi agenda luar biasa, begitulah sebalik. Walaupun tidak banyak kajian yang dilakukan tentang isu ini, kajian yang dilakukan oleh

Rubin (1985) menyatakan bahawa kelainan jantina memberi impact besar kepada proses perhubungan menolong. Dalam ertikata lain, sekiranya *helper* adalah lelaki dan *helppee* adalah perempuan atau sebaliknya, kebarangkalian besar untuk berlakunya tarikan seksual adalah tinggi. Walau bagaimana pun, kejayaan sesuatu proses menolong tidak bergantung kepada sama ada mempunyai jantina yang sama atau pun berbeza. Namaun begitu, *helper* kadangkala tidak menyedari bahawa beliau cenderung ke arah 'sexist counseling'. Sebagai contoh, *helper* mengatakan, "tidakkah nanti anda akan bermasalah apabila ditempat kerja itu semuanya lelaki?" atau "Adalah lebih baik menumpukan kepada anak-anak semasa mereka masih kecil". Begitu juga dalam kes, lelaki mahu menjadi jururawat.

- **Bangsa dan etnik**

Bias dari segi bangsa dan kumpulan etnik berlaku apabila *helper* enggan atau tidak bersungguh-sungguh dalam membantu *helppee*. Sebagai *helper*, beliau perlu menunjukkan komitmen yang sama rata dan adil dalam proses menolong tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

- **Umur**

Isu umur biasanya diutarakan apabila persoalan tentang apa yang sepatutnya ataupun tidak sepatutnya dilakukan oleh seseorang pada peringkat umur-umur tertentu terutama dalam sektor pekerjaan. Ada *helper* yang menganggap orang yang telah berumur sukar untuk dibantu, oleh itu untuk selamat *helper* mengelakkan diri daripada golongan ini. Dalam kes ini, *helper* perlu mengkaji dan meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pengetahuan untuk mendekati atau untuk berhadapan dengan golongan ini seperti kesabaran, empati, masa dan kemahiran komunikasi.

## **Etika menolong**

### **1. keistimewaan komunikasi dan kerahsiaan**

Berbanding kaunselor dan ahli psikologi yang berlesen, kebanyakan *helper* tidak mempunyai keistimewaan dari segi komunikasi, yang mana dia boleh dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah tentang perhubungan menolong yang telah dilakukan dengan kliennya. Kerahsiaan yang dimaksudkan ialah tanggung jawab *helper* untuk menjaga segala rahsia kliennya semasa dalam proses perhubungan menolong. Keistimewaan komunikasi merujuk kepada klien bukannya kepada *helper*, iaitu hak klien untuk menghalang *helper* daripada mendedahkan segala rahsia berkaitan dengan kesnya. Dalam ertikata lain, kerahsiaan mengikat *helper* daripada mendedahkan perkara-perkara yang berlaku dalam

perhubungan menolong bersama klien walaupun *helper* merasa ingin atau terpaksa berbuat demikian. Keistimewaan ditubuhkan oleh undang-undang negeri atau Negara.

## **2. konflik peribadi**

Ada ketikanya *helper* mengalami konflik antara obligasi terhadap organisasi yang disertai dengan kliennya. Tidak ada penyelesaian tertentu untuk isu ini melainkan *helper* perlu sentiasa ingat bahawa tanggung jawabnya yang paling besar semasa proses menolong ialah terhadap kliennya bukan kepada individu atau kumpulan tertentu yang lain. Oleh itu, jika konflik tersebut wujud, *helper* perlu memastikan dia tidak melampaui kerahsiaan kliennya disebabkan oleh kealpaan, ketidakselamatan dan ketidakcekapan dirinya.

## **3. penyimpanan rekod**

Merujuk kepada penyimpanan rekod klien, *helper* digalakkan untuk mencatat matlamat, informasi tentang tingkah laku dan mengelakkan daripada merekodkan hal-hal yang berbentuk subjektif seperti nilai, sikap dan penilaian tentang perkara tersebut.

## **4. perujian**

Terdapat juga pekerja social yang ingin melibatkan klien dalam sesuatu ujian atau kajian yang hendak dijalankan seperti ujian minat, personality, pencapaian dan bakat. Dalam hal ini, *helper* perlu mentadbir ujian tersebut sekiranya beliau mempunyai latihan yang mencukupi dan mempunyai pengetahuan berkaitan dengan ujian itu. *Helper* juga perlu menjelaskan kepada klien tujuan dan rasional ujian itu dijalankan. *Helper* juga perlu bertanggung jawab mengenai data-data yang diperolehi supaya tidak disalah gunakan oleh pihak yang ketiga. *Helper* juga tidak boleh membincangkan dengan sesiapa sahaja termasuk majikan, guru, ahli keluarga klien mengenai persetujuan-persetujuan tertentu yang berbentuk verbal antara beliau dengan klien.

## **5. dwi perhubungan**

Apabila berlaku proses menolong, dwi perhubungan secara tidak langsung bermula. Peranan dan status yang pelbagai menyebabkan berlakunya jangkaan yang pelbagai terhadap tingkah laku, kuasa dan obligasi. Konflik peranan ini juga akan wujud sekiranya *helper* terlibat dengan peranan-peranan lain diluar bidang tugasnya sebagai *professional helper*. Contoh dwi perhubungan ialah membentuk perhubungan social atau perhubungan seksual dengan *helpee* atau memasuki bidang perhubungan menolong secara professional dengan kawan atau ahli keluarga. Apabila wujudnya perhubungan dual, isu-isu seperti

kerahsiaan dan autonomi mungkin terjejas. Ianya juga akan memberi kesan terhadap *helper* untuk membuat penilaian semasa proses menolong berlaku.

## **6. *misrepresentation***

*Misrepresentation* boleh berlaku apabila *helper* secara langsung atau tidak langsung mendakwa sesuatu ilmu pengetahuan, latihan, pengalaman dan kepakarannya terhadap klien yang mempunyai masalah tertentu. Perkara ini mungkin menjadi isu bagi semua kategori *helper* yang gagal mengenalpasti batasan menolong dan personal. Kod etika telah menetapkan bahawa setiap *helper* perlu mengetahui batasan-batasannya sebagai seorang *helper*. Sebagai contoh, seorang *helper* berbincang dengan rakan sejawatannya tentang kes klien yang mempunyai *personality* pelbagai (*multiple personality*) yang mana dia tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam kes seperti ini.

## **Rujukan**

Okun, B.F. 1991. *Effective Helping: Interviewing and Counseling Techniques*, 4<sup>th</sup> edition. California, Brooks/Cole publishing company.

Welfel, E.R. 2002. *Ethics and Counseling Psychotherapy: Standards, research and emerging Issues*, 2<sup>nd</sup> edition, United States, Brooks/Cole Thompson learning.

Hashim Musa. *Falsafah, logic, Teori Nilai Dan Etika Melayu: Suatu Pengenalan*, Petaling Jaya, Akademi pengajian Melayu Universiti Malaya.

Abdul Rahman Md. Aroff. 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amlaan Moral*. Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Linda & Eyre, R. 1993. *Teaching Your Children Values*. New York, Rockefeller Center

Jones, R. N. *Practical Counselling and Helping Skills: Helping Clients to Help Themselves*. 2<sup>nd</sup> edition. London, Holt, Rinehart and Windston Ltd.

Fronzizi, R. 1971. *What Is Value?: An Introduction to Axiology*. 2<sup>nd</sup> edition. Illinois, Open Court publishing Company.

Reeve, C.D.C. 1992. *Practice of Reason: Aristotle's Nicomachean Ethics*. Oxford, Clarendon Press.

Bayles, M.D. 1981. *Professional Ethics*. California, Wadworth Publishing Company.

Hill, W.H. 1999. *Ethics or Moral Philosophy*. New Delhi. Anmol Publications

Brown, M.T. 2003. *The Ethical process: An Approach to Disagreement and Controversail Issues*. New Jersey, Pearson Education Inc.

